

→ WILAYAH

TIANG FLAT RETAK

Penduduk masih bimbang



Keratan akhbar BH pada 28 Mac 2018.

→ Penghuni dibenar pulang selepas kerja pembaikan selesai petang kelmarin

Oleh **Fazrik Kamarudin**
cnews@nstp.com.my

► **Bangi**

Walaupun pihak berkuasa tempatan mengesahkan kediaman mereka selamat untuk diduduki, masih wujud perasaan bimbang daripada penduduk Blok 4, Flat PKNS Jubli Perak di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di sini, yang terjejas akibat keretakan pada tiang bangunan berkenaan.

Lebih 300 penduduk pangsapuri berkenaan sudah dibenarkan pulang petang kelmarin selepas ditempatkan dewan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Pengerusi Persatuan Penduduk Jubli Perak, Mat Shahrudin Yatim, 60, berkata masih ada penduduk yang tertanya-tanya status sebenar kediaman mereka walaupun hasil kajian menunjukkan tiada pergerakan yang boleh mengundang risiko.

Katanya, ada segelintir penduduk yang masih berasa bimbang walaupun kerja pembaikan sudah berjalan.

“Terjaminkah keselamatan mereka menduduki flat berkenaan, bagi mereka perkara ini amat sukar dijangka?”

Risau setiap kali hujan

“Masih ada yang berasa risau setiap kali hujan lebat, takut kalau ada pergerakan tanah yang berlaku secara tiba-tiba.

“Bagaimanapun saya berasakan,



Mat Shahrudin Yatim

kerja pembaikan yang sedang dijalankan dapat membantu memperbaiki semula blok ini, pihak yang berkenaan sudah mula memasang batang besi bagi menyokong struktur bangunan, ia sudah bermula sebelum kami pindah masuk semula malam kelmarin (Jumaat),” katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd Sani Hassan, 56, berkata selepas melihat kerja pembaikan, perasaan risau dan bimbang itu semakin berkurangan.

“Lagipun saya percaya kepada penilaian dan kepakaran pihak perunding yang dilantik yang mengesahkan tiada pergerakan yang boleh menyebabkan struktur flat ini terjejas.

“Kerja pembaikan pun sudah berjalan, saya memang mengharapkan masalah ini dapat diatasi sepenuhnya apabila semua kerja yang dilakukan selesai kelak,” katanya.

Abdul Phairis Abdul Wahab, 47, yang mempunyai pengalaman bekerja sebagai Penyelia Tapak Pembinaan pula berkata, batang besi yang dipasang mampu bertindak sebagai penyelesaian sementara sebelum kerja pembaikan utama dilakukan ke atas tiang yang retak.

“Setiap batang besi ini mampu untuk menahan beban seberat 500 kilogram, saya lihat mereka pasang hampir 500 batang besi di sepanjang tingkat bawah.

“Bila dipasang penahan itu, kita pun tidaklah rasa risau dan bimbang sangat, lagipun perunding pakar pun sudah mengesahkan ti-

ada pergerakan di kawasan ini.

“PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) memberikan tempoh selama dua minggu untuk kerja-kerja pembaikan pada peringkat awal, manakala kerja pembaikan sepenuhnya dijangka siap dalam tempoh 45 hari, selepas tempoh itu baru kita boleh tahu status sebenar keselamatan flat ini,” katanya.

Selasa lalu, 38 keluarga daripada 48 unit flat empat tingkat itu terpaksa dipindahkan selepas tiang di bangunan berkenaan mengalami keretakan serius.

Arahan pengosongan itu dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas mendapati 18 daripada 114 tiang flat mengalami keretakan.

Tiga hari kemudian, PKNS mengesahkan status bangunan berkenaan selamat untuk diduduki selepas perunding mereka bersama arkitek Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) mendapati tiada pergerakan yang boleh mengundang risiko.